

10 NOV 2001

PM TIBA DI TERENGGANU UNTUK RASMI HARI PENEROKA KEBANGSAAN

KUALA TERENGGANU, 10 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di Lapangan Terbang Sultan Mahmud di sini pagi ini untuk merasmikan sambutan Hari Peneroka Kebangsaan 2001.

Beliau yang tiba dengan pesawat khas pada pukul 8.45 pagi disambut oleh Pengerusi Felda Datuk Dr Yusof Nor, pemimpin Umno negeri serta pemimpin parti komponen Barisan Nasional negeri dan ketua-ketua jabatan kerajaan.

Perdana Menteri kemudiannya menaiki helikopter ke Bandar Ketengah Jaya, Dungun untuk merasmikan sambutan Hari Peneroka Kebangsaan 2001 di Padang Astaka Bandar Ketengah Jaya.

Dr Mahathir dijadual berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada pukul 2 petang selepas majlis jamuan tengah hari bersama peneroka.

-- BERNAMA

TAJ RHM